

Sultan Selangor saksi lafaz ikrar 2,725 pelajar UPM

Serdang: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, semalam perkenan berangkat mendengar lafaz ikrar dibacakan oleh 2,725 pelajar ijazah sarjana muda yang baharu mendaftar di Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini.

Baginda juga meluangkan masa beramah mesra dengan beberapa pelajar berkenaan pada majlis terbabit.

Daripada jumlah graduan baharu sesi ini, 176 adalah pelajar luar negara, termasuk dari Singapura, Thailand, China, India, Kanada, Arab Saudi, Pakistan, Bangladesh, Uzbekistan, Kazakhstan, Emiriah Arab Bersatu, Maghribi dan Senegal.

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramelan, berkata mereka sebahagian daripada lebih 128,000 lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Asasi Sains dan Matrikulasi yang memohon menyambung pengajian di universiti berkenaan.

“Daripada jumlah itu, hanya empat peratus atau kira-kira 3,800 calon ditawarkan menyambung pengajian ijazah pertama di UPM sesi ini,” katanya berucap pada Majlis Ikrar Pelajar sempena Minggu Putra sesi 2015/2016 di Serdang, di sini.



Sultan Selangor **beramah mesra dengan pelajar baharu** selepas Majlis Ikrar Pelajar sempena Minggu Putra sesi 2015/2016 di Serdang, semalam.

Pelajar baharu UPM

Sementara itu, pelajar Orang Asli dari Pahang, Shilly Leong Sik Lee, 20, gembira dan bersyukur dapat menjadi sebahagian pelajar baharu UPM walaupun ditawarkan kursus pilihan ketiga,

iaitu Sains Pembangunan Sumber Manusia dan Pengurusan berbanding bidang undang-undang yang menjadi pilihan pertamanya.

Bagi Hussain Said, 20, dari Tanjung Karang, Selangor, walaupun

berkerusi roda, ia bukan penghalang untuknya meneruskan pengajian dalam bidang Sastera (Sastera dan Linguistik Melayu) di UPM kerana banyak kemudahan disediakan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU)

di universiti itu.

“Saya mesti pandai berdiskari dan jadi lebih kuat untuk belajar dan mengejar cita-cita menjadinya pensyarah atau guru apabila tamat pengajian nanti,” katanya.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]